


Mangsa diberi rumah transit, terima bantuan RM7,300

PETALING JAYA – Lima keluarga yang terjejas akibat kebakaran di Blok 70, Flat Sri Sabah, Cheras, Kuala Lumpur akan diberi rumah transit sementara bermula Khamis ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, kesemua 16 mangsa yang kini ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) akan berpindah ke Flat Sri Johor, Cheras.

“Kita benarkan duduk di rumah transit itu selama enam bulan bagi mereka yang mempunyai rumah sendiri, manakala bagi yang menyewa mereka dibenarkan menduduki rumah transit itu



KERATAN Kosmo! semalam.

selama tiga tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam hantaran di Facebook selepas menyantuni mangsa di PPS Sekolah Kebangsaan Seri Cheras di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak RM7,300 sumbangan wang tunai turut diserahkan ke-

pada setiap keluarga bagieringankan beban mereka.

“Saya telah serahkan sumbangan RM5,000 dari Jabatan Wilayah Persekutuan, manakala Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak masing-masing RM1,000 serta RM300 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat,” ujarnya.

Kosmo! melaporkan, dalam kejadian kira-kira pukul 8.45 malam pada Ahad lalu, kebakaran itu memusnahkan lima buah rumah di tingkat 17 Blok 70, Flat Sri Sabah yang didiami 16 mangsa daripada lima keluarga.



DR. ZALIHA (tiga dari kanan) ketika mendengar penerangan mengenai kronologi dan insiden kebakaran oleh Pengarah JBPM Kuala Lumpur, Muhammad Salleh Abdul (kanan) di Blok 70, Flat Sri Sabah, Kuala Lumpur semalam. – SYAKIR RADIN